



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**31 Ogos 2023  
14 Safar 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• 'Air merah' di perairan Teluk bahang tidak berbahaya
Harian Metro	• 'Air merah' bukan toksin
Kosmo !	• Alga bukan toksik, tidak ancam manusia
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH	
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL		16	31/8/2023

## Alga bukan toksin, tidak ancam manusia

**GEORGE TOWN** - Jabatan Perikanan negeri akan terus mengambil sampel secara berkala bagi memantau kepadatan spesies alga, *Noctiluca Scintillans* di perairan Teluk Bahang, di sini sehingga mencapai paras yang selamat.

Jabatan Perikanan berkata, keputusan awal analisis yang dijalankan Institut Penyelidikan Perikanan Batu Maung bagi mengenal pasti 'air merah' yang hadir di perairan Teluk Bahang mendapati alga tersebut adalah bukan toksin iaitu spesies *Noctiluca Scintillans* dan tidak berbahaya kepada manusia.

Katanya, kepadatan sel fitoplankton itu sangat tinggi iaitu sebanyak 1 hingga 5 juta sel per liter yang mengesahkan berlaku ledakan alga di perairan ini.

"Kepadatan sel fitoplankton yang tinggi boleh menyebabkan kematian ikan terutamanya ikan dalam sangkar akibat pe-

nurunan oksigen terlarut dan alga juga telah meliputi insang dan menyebabkan ikan tidak mendapat oksigen.

"Untuk rekod, pada tahun 2016, *Noctiluca scintillans* ini pernah menyebabkan ledakan yang menyebabkan air laut menjadi merah jambu di Kuala Gula, Perak 2016 dan menyebabkan ikan dalam sangkar mati," katanya di sini, semalam.

Sebelum ini, nelayan-nelayan di sekitar kawasan Teluk Bahang hibang dengan fenomena yang didakwa sebagai air pasang merah melanda kawasan berkenaan sejak dua hari lalu.

Jabatan Perikanan berkata, pihaknya juga telah mencadangkan beberapa langkah mitigasi kepada penternak sangkar ikan seperti menuai segera semua ikan yang bersaiz pasaran jika ada tanda-tanda ikan lemas atau mati.



SEBAHAGIAN ikan dalam sangkar yang mati akibat air pasang merah di perairan Teluk Bahang sejak Sabtu lalu.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/ NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	12	31/8/2023

ALGA DI PERAIRAN TELUK BAHANG

# 'Air merah' bukan toksin

Bernama

Georgetown

Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang akan terus mengambil sampel secara berkala bagi memantau kepadatan spesies alga, *Noctiluca Scintillans* di perairan Teluk Bahang di sini, yang mengalami fenomena air pasang merah atau 'air merah' sejak Sabtu lalu.

Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang pada kenyataan berkata, pemantauan kepadatan alga itu akan dijalankan sehingga ia mencapai paras yang selamat.

Keputusan awal analisis yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perikanan Batu Maung bagi me-

ngenal pasti 'air merah' yang hadir di perairan Teluk Bahang mendapati alga berkenaan adalah bukan toksin dan ia adalah spesies *Noctiluca Scintillans*, serta tidak berbahaya kepada manusia.

"Kepadatan sel fitoplankton itu sangat tinggi iaitu satu hingga lima juta sel per liter yang mengesahkan berlaku ledakan alga di perairan itu, dan

**"Kepadatan sel fitoplankton sangat tinggi iaitu satu hingga lima juta sel per liter mengesahkan berlaku ledakan alga di perairan"**

boleh menyebabkan kematian ikan terutamanya ikan dalam sangkar ekoran penurunan oksigen terlarut. Alga juga sudah meliputi insang dan menyebabkan ikan tidak mendapat oksigen," menurutnya.

Katanya, berdasarkan rekod pada 2018, *Noctiluca Scintillans* pernah menyebabkan ledakan yang menyebabkan air laut menjadi merah jambu di Kuala Gula, Perak selain menyebabkan ikan dalam sangkar mati.

Sementara itu, Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang memaklumkan, pihaknya sudah mencadangkan beberapa langkah mitigasi kepada peternak ikan sangkar di kawasan terbahit seperti menuai segera semua ikan yang ber-



PEMANTAUAN kepadatan alga di perairan Teluk Bahang akan dijalankan sehingga ia mencapai paras yang selamat.

sar pasaran, jika ada tanda ikan lemas atau mati.

Menurut kenyataan, peternak juga disarankan untuk mengurangkan kepadatan ikan dalam sangkar dengan memindahkan ikan ke sangkar lain dan memantau kandungan oksigen terlarut.

"Mereka juga perlu menambah pengudaraan ke-

pada ikan untuk menyelamatkan ikan ternakan yang masih hidup bagi mengelakkan peningkatan kerugian," katanya.

Menurut kenyataan, seorang daripada enam peternak ikan di kawasan berkenaan iaitu Hing Moh Yok memberitahu, kehadiran air merah dikesan pada awal pagi Isnin lalu,

dan ia dalam jumlah yang sangat banyak sebelum mula pecah seterusnya hilang pada jam 9.30 pagi.

"Kejadian itu menyebabkan kematian ikan berternak di kawasan itu. Peternak menganggarkan kerugian RM500,000 akibat kematian harupir 15 tan metrik ikan di sangkar," katanya.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		36	31/8/2023

## Nasional

Khamis, 31 Ogos 2023 **BH**

# 'Air merah' di perairan Teluk Bahang tidak berbahaya

Analisis pasukan penyelidik dapati fenomena berpunca spesies alga bukan toksin

Oleh **Zuhainy Zulkiffli**  
zhnews@bh.com.my

**Georgetown:** Keputusan awal analisis Institut Penyelidikan Perikanan Batu Maung terhadap 'air merah' di Teluk Bahang mendapati alga spesies 'Noctiluca Scintillans' bukan toksin serta tidak berbahaya kepada manusia.

Jurucakep Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang berkata, kepadatan sel fitoplankton itu sangat tinggi iaitu 1-5 juta sel/liter yang mengesahkan berlaku ledakan alga di perairan ini.

Kepadatan sel fitoplankton yang tinggi boleh menyebabkan kematian ikan terutama dalam sangkar akibat penurunan oksigen terlarut dan alga juga meliputi nsang sehingga menyebabkan kan tidak mendapat oksigen.

### Pantau fenomena alga

Jabatan Perikanan akan terus mengambil sampel secara berkala bagi memantau kepadatan alga spesies Noctiluca scintillans sehingga mencapai paras yang selamat.

"Beberapa langkah mitigasi



Fenomena 'air merah' di perairan Teluk Bahang mendapati alga spesies 'Noctiluca Scintillans' bukan toksin serta tidak berbahaya kepada manusia. (Foto Mikail Ong/BH)

dicadangkan kepada penternak sangkar ikan seperti perlu tuai semua semua ikan yang bersair pasaran jika ada tanda ikan lemas atau mati.

"Kepadatan ikan dalam sangkar perlu dikurangkan dengan dipindahkan ke sangkar lain dan pantau kandungan oksigen terlarut serta tambah pengudaraan kepada ikan bagi menyelamatkan ikan ternakan yang masih hidup, demi mengelak pertambahan kerugian dialami oleh penternak," katanya, semalam.

Noctiluca Scintillans pernah menyebabkan ledakan sehingga air laut menjadi merah jambu dan ikan dalam sangkar mati di Kuala Gula, Perak pada 2016.



Tampak air laut berwarna merah dikesan berhampiran sangkar ternakan ikan di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (I-KIM) Teluk Bahang. (Foto Ihsan IAS)